

CLASS: X
BHASHA MALEYU - 099
SAMPLE QUESTION PAPER 2019-20

Markah:80

Masa: 3 jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** bahagian, iaitu **Bahagian A, B, C, dan D**.
2. **Bahagian A** terdiri daripada **Soalan 1** yang mengandungi **tiga** bahagian, iaitu **(i), (ii), dan (iii)**. Anda diwajibkan untuk menjawab semua bahagian tersebut.
3. **Bahagian B** terdiri daripada **Soalan 2** yang mengandungi **tiga** bahagian, iaitu **(i), (ii), dan (iii)**. Anda diwajibkan untuk menjawab semua bahagian tersebut.
4. **Bahagian C** terdiri daripada **Soalan 3, 4, dan 5** yang mengandungi **15** soalan tata bahasa. Jawab semua soalan.
5. **Bahagian D** terdiri daripada **Soalan 6, 7, 8, dan 9**. Semua soalan dalam bahagian ini ialah soalan KOMSAS. Anda diwajibkan untuk menjawab semua soalan.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa untuk menjawab soalan **Bahagian A (50 minit), B (40 minit), C (40 minit), dan D (30 minit)**.
7. Anda dikehendaki menulis jawapan dalam kertas jawapan yang telah disediakan.
8. Anda diberi masa **15 minit** untuk membaca kertas soalan. Anda **tidak** dibenarkan menulis atau membuat sebarang catatan dalam tempoh tersebut.
9. Kertas soalan ini mengandungi **15 halaman** bercetak sahaja.

Bahagian A
[15 Markah]

Soalan 1

- (i) **Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yangberikutnya.**
(5 Markah)

Daun ketum yang digunakan, terutama dalam kalangan mereka yang sudah ketagih, seperti ketagihan dadah. Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Negeri Kedah telah mengesanpenjualandaunketumdalam bentuk “snek”. Proses penyediaan snek ini amat mudah, iaitu samaseperti proses pembuatan kerepek atau rempeyek yang dicelup dengan tepung, kemudian digoreng hingga rangup sebelum dimakan seperti snek biasa.

Penyalahgunaan daun ketum mampu memudaratkan penggunaanya, terutama kepada golongan muda yang mudah ketagih. Berdasarkan kajian, air rebusan daun ketum dikatakan mampu menjejaskan sistem saraf pusat manusia dan menyebabkan ketagihan melampau kerana mengandungi “mitraginin” yang mempunyai tahap ketagihannya sama dengan dadah jenis morfin. Manakala, getah yang terdapat pada daun ketum tersebut mampu mendatangkan kerosakan pada sistem saraf tubuh badan manusia.

Walau bagaimanapun, daun ketum juga telah lama digunakan sebagai bahan perubatan tradisional sebagai minuman pemulih tenaga bagi wanita yang lepas bersalin serta sebagai penawar terhadap beberapa jenis penyakit ringan. Penyalahgunaan ini akan mengakibatkan kesan buruk, seperti penyusutan berat badan, masalah tidur, anoreksia, penghidratan, sembelit, kesan lebam dan terbakar pada muka, kemurungan, masalah sistem saraf, serta masalah jantung.

Langkah pembendungan penyalahgunaan daun ketum perlu dipertimbangkan, misalnya proses pendidikan dengan memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang bahaya jika menyalahgunakan daun ketum tersebut. Manakala, pemantauan untuk mencegah penyalahgunaan perlu dibuat oleh pihak berkuasa tempatan. Dengan itu, undang-undang sedia ada yang termaktub di bawah seksyen 30(3) Akta 366, mereka yang memiliki air daun ketum boleh dikenakan tindakan hukuman mengikut seksyen 30(5) akta yang samadengandendatidak melebihi RM10 ribu atau tidak melebihi empat tahun penjara atau kedua-duanya.

(Dipetik dan diubah suai: “*Penyalahgunaan daun ketum*”
daripada Dewan Masyarakat, Oktober 2016)

1. Daun ketum telah dijadikan sebagai _____ bagi individu yang ketagih.
- A. snek
 - B. makan pagi
 - C. makan malam
 - D. makan tengah hari

2. Apakah kandungan yang terdapat dalam daun ketum sehingga ia disamakan dengan ketagihan morfin?
- A. ketamin
 - B. narkotika
 - C. mitraginin
 - D. kannabis
3. Getah yang terdapat pada daun ketum boleh mengakibatkan ...
- A. kerosakan jantung
 - B. kerosakan paru-paru
 - C. kerosakan buah pinggang
 - D. kerosakan sistem saraf tubuh
4. Dalam perubatan tradisional, rebusan air ketum digunakan untuk...
- A. memulihkan penyakit kritikal
 - B. memulihkan tenaga bagi wanita lepas bersalin
 - C. memulihkan urat saraf dan penyakit diabetes
 - D. merawat penagih dadah
5. Berikut ialah akibat buruk penyalahgunaan dadah, **KECUALI**...
- A. melegakan kekejangan otot
 - B. gangguan sistem saraf badan
 - C. masalah kemurungan
 - D. anoreksia

- (ii) Baca berita di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

SEREMBAN, 13 Oktober- Dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang, 1.3 juta rakyat Malaysia yang berusia 50 tahun ke atas, dijangka terdedah kepada penyakit katarak, yang dikesan antara penyebab utama kepada masalah buta di negara ini. Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Azman Abu Bakar, berkata faktor lain yang turut menyumbang kepada masalah buta termasuklah diabetik retinopati dan glaukoma.

Kajian Mata Nasional 2 pada 2014 mendapati bahawa 413,000 penduduk mempunyai masalah penglihatan dan penyakit katarak menyumbang 58 peratus masalah buta. Bagaimanapun, 80 peratus rakyat yang mengalami masalah penglihatan di negara ini, masih boleh diubati dan dapat kembali melihat dengan jelas jika mematuhi proses pemulihan. Kementerian turut menyediakan beberapa inisiatif dan akses rawatan serta penjagaan mata, terutamanya kepada penduduk di luar bandar termasuk Klinik Katarak 1 Malaysia, untuk memastikan bahawa rakyat mendapat rawatan sempurna dan berkesan," katanya dalam Majlis Sambutan Hati Penglihatan Sedunia Peringkat Kebangsaan 2017 di Dewan Kompleks Belia dan Sukan, Paroi, semalam.

Melalui program saringan pula, Dr Azman berkata, sehingga Jun lalu seramai 22,401 penduduk sudah mendapatkan perkhidmatan itu dengan 16,338 daripadanya menjalani pembedahan katarak. Seramai 9,523 penduduk kurang mampu pula, katanya diberikan bantuan kanta intrakular secara percuma menerusi program Bank Kanta Intrakular Kebangsaan. Beliau berkata, ujian saringan mengesan diabetik retina dan katarak peringkat awal dapat meningkatkan peluang hilang penglihatan dan buta dapat dirawat.

(Dipetik dan diubah suai daripada “1.3 juta rakyat kita terdedah risiko buta” Berita Harian, 13 Oktober 2017)

1. 1.3 juta rakyat Malaysia dijangka terdedah kepada penyakit...
 - A. jantung
 - B. diabetis
 - C. katarak
 - D. glukoma
2. Berapa peratuskah yang mengalami masalah penglihatan boleh diubati jika mematuhi proses pemulihan?
 - A. 58peratus
 - B. 80peratus
 - C. 90peratus
 - D. 100peratus
3. Apakah bentuk inisiatif atau akses rawatan yang diberikan kepadapenduduk?
 - A. Klinik1Malaysia
 - B. Klinik Keluarga1Malaysia
 - C. Klinik Kesihatan1Malaysia
 - D. Klinik Katarak1Malaysia
4. Sambutan Hari Penglihatan Sedunia Peringkat Kebangsaan 2017 diadakan pada...
 - A. 12 Oktober2017
 - B. 13 Oktober2017
 - C. 14 Oktober 2017 D. 15 Oktober2017
5. Peryataan di bawah adalah benar,**KECUALI**
 - A. majlis ini diadakan diMelaka.
 - B. 22,401 telah menjalani ujiansaringan.
 - C. 16,348 telah menjalani pembedahankatarak.
 - D. 9,523 penduduk kurang mampu diberi bantuan kantaintrakular.

- (iii) Baca catatan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalanberikutnya.

(5 Markah)

Sebut sahaja Singapura, sudah tentu terbayang panorama indah Merlion Park yang menempatkan arca Singa di persisiran laut serta tersergam indah kemajuan bandar raya negara berkenaan. Keindahan itu juga yang membawa penulis untuk bercuti ke pulau yang terletak di selatan Semenanjung Malaysia.

Perjalanan penulis bermula dari Stesen Sentral Kuala Lumpur (KL Sentral) dengan menaiki bas ekspres. Selepas lima jam perjalanan, penulis tiba di pusat pemeriksaan imigresen Tuas, Singapura. Bas terus menuju ke Pulau Sentosa dan menurunkan kami di sini. Di pulau ini, kami terlebih dahulu bergambar kenangan di hadapan pintu masuk Universal Studios Singapore (USS). Dari situ, kami menaiki Sentosa Express menuju ke MRT Harbour Front dan seterusnya ke stesen Outram Park. Di stesen MRT, kami mendapatkan pas pelancong berharga SGD20 (RM62) yang membolehkan penulis menggunakan pengangkutan awam seperti bas, MRT dan LRT tanpa had. Malah, deposit sebanyak SGD10 (RM31) akan dipulangkan selepas mengembalikan pas pelancong dalam keadaan baik. Selepas tiba di Outram Park, kami menaiki MRT lalu ke Raffles Place untuk ke Merlion Park yang menjadi lokasi kedua bersiar-siar. Walaupun saiz tempat ini agak kecil, namun lokasinya agak menakjubkan. Justeru, tidak hairanlah mengapa destinasi ini dijadikan simbol buat Singapura.

Bagaimanapun, cuaca jerebu pada masa itu membataskan kami untuk bersiar lebih lama di Merlion Park. Oleh itu, kami terus menaiki MRT ke stesen Bugis untuk membeli-belah di Bugis Street. Di Bugis Street, pelancong boleh membeli baju-T sebanyak empat helai dengan harga SGD10 (RM31) atau empat set magnet peti ais dengan harga sama. Puas membeli-belah, kami berjalan kaki ke Arab Street untuk menikmati murtabak di Restoran Zam-Zam yang terkenal di Kota Singa ini.

Untuk merasai makanan signatur ini, penulis menempah Murtabak Daging bersaiz sederhana dengan harga SGD12 (RM37). Meskipun harganya agak mahal selepas dicongakkan ke mata wang Ringgit Malaysia, namun rasanya yang enak dan lazat pasti tidak mengecewakan. Sejurus menikmati makanan tengah hari di Restoran Zam-Zam, penulis dan peserta trip menunaikan solat jamak di Masjid Sultan yang terletak di Kampung Glam dan berehat disana. Di Kampung Glam, pelancong juga boleh mengenali budaya Melayu melalui maklumat yang disediakan di kawasan sekitar.

Tanpa membuang masa, kami kembali ke Pulau Sentosa untuk menghabiskan waktu petang dengan bersiar-siar di sana. Kali ini, kami menaiki Sentosa Express untuk menuju ke stesen Beach, iaitu stesen terakhir selepas stesen Waterfront dan Indiah. Waktu petang kami dihabiskan dengan ‘melepak’ di tepi pantai dan menaiki tram melawat sekitar pulau. Bagi mereka yang melancong ke Pulau Sentosa lebih lama, mereka boleh menaiki kereta kabel atau memasuki Underwater World yang amat menyeronokkan.

Tepat pukul tujuh malam, kami menaiki bas ekspres menuju ke Marina Bay Sands untuk menyaksikan keindahan seni bina dan pemandangan di kawasan itu sebelum pulang ke Kuala Lumpur. Bagi penulis, meskipun Singapura merupakan sebuah negara yang kecil tetapi ia mempunyai keistimewaan tersendiri yang menakjubkan.

(Dipetik dan diubah suai: “*Jelajah sehari di Singapura*”
Utusan Malaysia, November 2015)

1. Di manakah tempat yang dilawati oleh penulis?
 - A. London
 - B. Singapura
 - C. AbuDabi
 - D. Australia
2. Perjalanan yang diambil oleh penulis dari Stesen Sentral Kuala Lumpur untuk tiba di Pusat Pemeriksaan Imigresen Tuas, mengambil masa selama...
 - A. 4 jam
 - B. 5 jam
 - C. 6 jam D. 7jam
3. Berapakah harga pas pelancong yang dibeli oleh penulis di stesen MRT?
 - A. RM31.00
 - B. RM37.00
 - C. RM40.00 D. RM62.00
4. Apakah laluan yang perlu dilalui oleh penulis untuk sampai ke Merlion Park?
 - A. Sentosa Express - Harbour Frant - Merlion Park
 - B. Stesen Bugis - Raffles Place - Merlion Park
 - C. Outram Park - Raffles Place - Merlion Park
 - D. Raffles Place - Outram Park - Merlion Park
5. Berikut ialah aktiviti penulis di Kampung Glam, **KECUALI**...
 - A. mengenali budaya Melayu
 - B. solat di Masjid Sultan
 - C. makan tengah hari di Restoran Zam-zam
 - D. menaiki tram melawat kawasan sekitar pulau

Bahagian B
[25 Markah]

SOALAN 2

- (i) Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis satu ringkasan **punca pemandu tidak berdisiplin**. Panjang ringkasan hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan untuk menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.
(5 Markah)

Kempen keselamatan jalan raya dijalankan saban tahun meliputi seluruh negara. Kebanyakan rakyat tahu akan tujuan kempen tersebut tetapi kesannya kepada pengguna jalan raya belum mencapai matlamat pelancarannya. Kemalangan jalan raya yang berlaku itu banyak membabitkan kehilangan nyawa. Daripada pemerhatian, fahamlah bahawa betapa buruknya kelakuan dan sikap pemandu di negara ini dan betapa tidak berdisiplin mereka ketika berada di atas jalan raya. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa ada sesetengah pemandu seolah-olah hilang akal ketika mengendalikan kenderaan di jalan raya. Mereka memandu dengan laju untuk berseronok-seronok, lebih-lebih lagi jika dapat membuli pemandu lain yang dianggap pengecut berbanding dengan kehebatan dan kegilaan mereka.

Tindakan mereka yang membahayakan pengguna jalan raya yang lain itu tidak masuk akal sama sekali tetapi mereka beranggapan bahawa jalan raya adalah milik mereka dan tidak pernahgerun melakukan apa-apa sahaja melainkan kanselapa tersadai dan mengerang kesakitan di hospital barulah timbul keinsafan akan kegelojohan mereka di jalan raya. Semua ini menunjukkan betapa dungunya mereka kerana tidak memahami akibat yang akan diterima jika mereka terbabit dalam sesuatu kemalangan.

Setiap kali menjelang perayaan banyak anak yang kehilangan ibu bapa atau sebaliknya. Seisi keluarga mungkin lenyap di dunia ini tanpa meninggalkan waris. Apalahertinyakemegahanjikasegalakemegahanitumusnahsebagaiakibatkemalangan yang kita tempah sendiri. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Polis Trafik menunjukkan kes kemalangan jalan raya meningkat pada setiap kali musim perayaan. Hal ini sukardi elakkan kerana pada masa itu orang ramai berebut-rebut untuk pulang ke kampung menyambut perayaan bersama-sama dengan kaum keluarga.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana
“Pemandu Perlu Lebih Bertimbang Rasa”, *Berita Harian*,
Jun 2006)

- (ii) Berdasarkan rajah di bawah, anda dikehendaki menulis karangan tentang **kepentingan memulihara bangunan bersejarah**. Panjang huraian anda hendaklah **tidak melebihi 150 patahperkataan**.

(10 Markah)

bukti kepada peristiwa sejarah yang berlaku
Memberikan teladan dan iktibar kepada masyarakat
menarik pelancong
peranan penting dalam pendidikan



- (iii) Anda dikehendaki memilih **salah satu** karangan di bawah. Panjang karang yang perlu ditulis hendaklah **tidak melebihi 150 patahperkataan**.

(10 Markah)

- a. Negara kita sering diancam dengan jerebu yang disebabkan oleh pembakaran dari negara jiran. Bincangkan *kesan jerebu* ke atas masyarakat persekitaran.

atau

- b. Sebagai editor buletin sekolah, anda dikehendaki untuk mewawancara Guru Besar yang akan bersara tidak lama lagi. Wawancara tersebut akan dimasukkan dalam buletin sekolah. Tuliskan wawancaratersebut.

Bahagian C [15 Markah]

SOALAN 3

Susun semula frasa yang berikut supaya menjadi ayat yang lengkap.

(5 Markah)

- i. kehilanganderiapendengaran. fon telinga boleh mengakibatkan
Mendengarmuzikdengan kerap dan kuat dengannenggunakan

- ii. menjejaskan kualiti tidur rakyat Malaysia. ia menjadi satu faktor yang Masalah dengkur bukan sahaja mengganggu orang lain, malah
-
-
- iii. virus Denggi yang merebak melalui gigitan nyamuk Aedes aegypti Demam denggi merupakan yang membawa virus yang sama. sejenis demam akibat jangkitan
-
-
- vi. Kini, teknologi semakin mencabar pelbagai ilmu pengetahuan moden yang kebolehan manusia dan mereka dapat meningkatkan martabat mereka. perlu melengkapi diri dengan
-
-
- v. buruk kepada diri mereka sendiri. pelajar akan mendorong kepada Gangguan yang dihadapi oleh kehilangan semangat dalam pembelajaran dan memberikan kesan
-
-

ClassResult.in

SOALAN 4

Pilih jawapanyangtepat.

(5 Markah)

1. Hamid_____sebagai editor di sebuah syarikat penerbitan yang terkemuka di India.
 - A. tugas
 - B. ditugas
 - C. petugas
 - D. bertugas

2. Mashitah bangun_____berjalanmenujuketempatusetiapertandingansukan.
 - A. lalu
 - B. serta
 - C. sambil
 - D. kemudian

3. Yang Di-Pertua Agong berkenan untuk menghadiri majlis pembukaan pusat komuniti.
_____ diiringi Raja Permaisuri Agong.
- A. Baginda
B. Beliau
C. Beta
D. Dia
4. Prakash yang ringan mulut itu sungguh _____ dengan semua orang walaupun dengan orang yang baru dikenalnya.
- A. kasar
B. ramah
C. senang
D. sombong
5. Manisah mendapati bahawa dompetnya hilang. _____ dompetnya tercicir atau tersalah letak.
- A. Justeru
B. Mungkin
C. Akhirnya
D. Kemudian

ClassResult.in

SOALAN 5

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai bagi pernyataan di bawah.

(5 Markah)

- a. kuman di seberang laut nampak, gajah di depan mata tidak nampak
- b. belakang parang kalau diasah lagi lahtajam
- c. orang mengantuk disorongkan bantal
- d. memerahotak
- e. malu bertanya sesat jalan, malas berdayung perahu hanyut

1. Akibat tidak mendengar pengajaran daripada gurunya, Raviterpaksa _____ untuk menjawab semua soalan dalam peperiksaan akhir tahun.
2. Wan Mat menasihati anaknya yang hendak melancong supaya rajin bertanya. Supaya tidak jadi seperti patah _____.
3. Vinord seperti _____ kerana kesalahan orang lain walaupun kecil dia nampak, sedangkan kesalahan sendiri dia tidak sedari.
4. Sudah lama saya hendak pergi melancong ke luar negara. Oleh itu, apabila kawan saya mempelawa untuk pergi melancong bersama dengannya, saya sebagai _____.
5. Walaupun Viknesh lemah dalam pelajaran, namun dia seorang yang rajin mengulang kaji. Akhirnya dia memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan. Ini ibarat _____.

ClassResult.in

Bahagian D [25 Markah]

Bahagian ini terdiri daripada empat bahagian soalan. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.

SOALAN 6

Berdasarkan sajak di bawah, jawab soalan yang berikutnya.

(5Markah)

SYAIR BURUNG NURI

Bermula warkah surat rencana,
Ikatan fakir yang sangat hina,
Sajak dan nazam banyak tak kena,
Daripada pendapat kurang sempurna.

Gerangan sungguh amatlah leta,
Perinya akal gelap-gelita,
Hemat pun rendah daif berserta,
Tambahan badan miskin dan nista.

Beribu ampun kiranya tuan,
Atasnya hulu fakir nistawan,
Daripada masyghul gundah merawan,
Terperilah madah patik nin tuan.

Dituliskan sahifah supaya nyata,
Barang yang ghairah di dalam cinta,
Terfikir-fikir bukan menderita,
Dakwat dan kertas tempat berkata.

Sudahlah nasib untung yang malang,
Mengambah lautan berulang-ulang,
Mudaratnya bukan lagi kepalang,
Senantiasanya di dalam nasib dan walang.

Hanyutlah badan ke sana ke mari,
Segenap pesisir desa negeri,
Bertambahlah pula sopan dan negeri,
Santap nan tidak minum pun kari.

Bangun terjunun badan suatu,
Gundahlah fikir tiada tertentu,
Laksana cermin jatuh ke batu,
Remuk dan redam hancur di situ.

Remuk dan redam rasanya hati,
Lenyaplah fikir budi pekerti,
Jikalau kiranya hamba turuti,
Daripada hidup sebaiknya mati.

(Dipetik daripada Mohd Yusof Md Nor dan
Dr. Abd. Rahman Kaeh (Penyelenggara) Puisi
Melayu Tradisi, 1996 Fajar Bakti Sdn. Bhd,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- i. Sajak di atas bertemakan...
 - A. generasi muda pinggirkan wargatua
 - B. hilang rasa hormat kepada wargatua
 - C. adab dalam kehidupan seseorang
 - D. kesengsaraan yang dialami oleh warga tua akibatdiabaikan
- ii. Nilai yang terdapat dalam sajak di atas, ialah...
 - A. kebijaksanaan
 - B. kemusnahan
 - C. gejolaknafsu
 - D. kerakusanhidup
- iii. Sajak di atas berbentuk seperti yang berikut...
 - A. berbentukterikat
 - B. terdiri daripada lapanrangkap
 - C. mempunyai enam baris setiaprangkap
 - D. terdapat satu hingga 13 suku katasebaris
- iv. Apakah yang hendak disampaikan dalam rangkap3?
 - A. Warga tua kelihatan tidak terurus di tepijalan.
 - B. Memohon maaf atas coretan kata-katanya yang ditulis dalam perasaan sedih. Kemalangan mengakibatkan warga tua maut, jenazahnya tidak dituntut olehwaris.
 - C. Nasib warga tua sangat malang apabila tidak diendahkan oleh anak-anak yang derhaka.
- v. Pengajaran yang diperoleh daripada sajak di atas, adalah seperti berikut...
 - A. tidak lupa jasa ibubapa
 - B. jangan mementingkandiri
 - C. tidak perlu membalas jasa ibubapa
 - D. kita haruslah insaf akan kesalahan yang telah dilakukan

SOALAN 7

- i. Apakah tema sajak “*Sajak Senja Di Palang Besi*”?
 (3Markah)
- ii. Apakah persoalan dalam “*Sajak Senja Di Palang Besi*”?
 (3Markah)

iii. Nyatakan dua pengajaran yang terdapat dalam “*Seorang Insan Istimewa*”?

a)

b)

(3Markah)

SOALAN 8

Baca cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

“Nak uruskan anak-anak pun pening kepala, bang.”

“Pandai kamu bercakap. Atau kamu sindir aku?”

Lalu di mata batinnya muncul wajah dua orang anak lelaki, Saleh dan Musa. Dua orang anak lelaki ini membawa masalah dalam keluarganya. Dua orang anak lelaki itu tamakkan duit. Dua orang anak lelaki itu memalukannya.

Saleh asyik keluar masuk lokap polis kerana terlibat dengan penagihan dadah. Saleh juga pernah keluar masuk pusat serenti tetapi dia terus juga menagih. Musa terlibat dengan keseronokan anak-anak muda dengan motosikal. Musa beberapa kali ditahan kerana terlibat dalam lumba haram. Beberapa kali juga Musa masuk dan keluar lokap polis. Beberapa kali pula dia sendiri ke balai polis mengeluarkan anaknya itu.

Hisyam diam. Dia tahu abangnya itu terasa kerana dua orang anak lelaki abangnya tidak menjadi.

Tiga orang anaknya sendiri, walaupun dia hanya pemandu teksi semuanya menjadi. Zaki yang sulung berada di luar negara sekarang. Zaki mahu jadi pakar jantung. Linda sudah jadi pensyarah Fizik di universiti. Nora yang bongsu sekarang berada dalam tahun akhir di universiti. Dia mengambil bidang penyiaran.

Hisyam melihat kondo tempat tinggalnya yang dua puluh tiga tingkat. Tanah tapaknya tidak seluas mana. Dia membeli kondonya itu dengan harga tiga ratus ribu lebih. Melihat pengurusan kondo tempat tinggalnya, dia terasa ingin memajukan tanah pusaka orang tuanya.

“Sudah, tak usah kamu angan-angan nak jadi usahawan, Jualkan saja tanah tu. Habis cerita. Kepala tidak pening.”

(Dipetik daripada cerpen *Sekeping Tanah*,
Antologi Baik Budi, Indah Bahasa Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

i. Berdasarkan petikan cerpen di atas, apakah kejayaan yang dicapai oleh anak-anak Encik Hisyam?

[1 Markah]

ii. Nyatakan **dua** perkara yang dapat dijadikan teladan daripada petikan cerpen di atas?

[1 Markah]

iii. Pada pendapat anda, apakah cara yang sesuai dilakukan oleh ibu bapa untuk mendidik anak-anak agar berjaya dalam kehidupan?

[3 Markah]

ClassResult.in

SOALAN 9

Berdasarkan kajian Antologi Harga Sebuah Lukisan, huraikan latar tempat dan latar masyarakat yang terdapat dalam cerpen "*Bahagia Sesudah Derita*".

(6Markah)

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

ClassResult.in

KERTAS SOALAN TAMAT